

22 NOV 1996

Mahathir-Sabotaj

ADA USAHA SABOTAJ PELABURAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan beberapa usaha oleh pelbagai pihak di Barat, terutama media-media Eropah, untuk menggagalkan pelaburan Malaysia di luar negara.

Perdana Menteri berkata, mereka telah membuat tuduhan kononnya anak beliau terlibat dalam pembelian loji termal Hwange di Zimbabwe oleh YTL Corporation serta cadangan usahasama antara Celcom dan Perbadanan Pos dan Telekom Zimbabwe untuk menyediakan kemudahan telefon selular di negara itu.

"Ada juga tuduhan kononnya Guthrie mendapat kawasan balak di Zimbabwe. Ini semua tidak benar," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat 14 wartawan dari negara-negara Balkan di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, sebuah bank di Britain sengaja cuba menggagalkan pembelian syarikat pembuat kereta Lotus oleh Proton apabila bank itu pada mulanya enggan menerima cek yang dibayar oleh Pengerusi Eksekutif Proton, Tan Sri Yahya Ahmad dan sebaliknya meminta wang tunai.

Semasa di Zimbabwe pula, beliau berkata, pelabur Barat yang iri hati dengan kemampuan usahawan Malaysia menyertai projek penswastaan di beberapa negara menjadi dalang kepada kontroversi membabitkan sektor swasta Malaysia di seberang laut.

Perdana Menteri berkata, pembelian 20 peratus ekuiti syarikat pengeluar minyak Afrika Selatan oleh Petronas juga dipertikaikan sedangkan pembelian itu dibuat hanya selepas syarikat berkenaan membuat tawaran kepada Petronas.

"Itu juga mereka komen kononnya kita terlangsung sangat terlibat di Afrika Selatan," katanya.

Stesen televisyen Cable News Network (CNN) pula menyiarkan kenyataan seorang anggota Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang mendakwa kononnya hutan asal di Malaysia sudah habis ditebang untuk tujuan pembalakan, kata beliau lagi.

"Sehingga dalam CNN saya dengar satu wanita NGO berkata kalau pergi ke Malaysia dan dibawa masuk tengok hutan sekalipun, jangan fikir itu hutan asal, itu hutan yang ditanam untuk tunjuk kepada pelawat. Jadi begitu sekali tuduhan-tuduhan dilemparkan terhadap Malaysia," katanya.

Semasa melawat Ghana, seorang wartawan sambilan Perbadanan Penyiaran Britain (BBC) telah mengemukakan soalan yang menunjukkan Malaysia kononnya ingin "menjajah" Ghana apabila syarikat Business Focus Group Sdn Bhd menjalin usahasama membangunkan semula Tema Shipyard and Drydock Corporation kepunyaan kerajaan negara itu, katanya.

Dr Mahathir berkata, tujuan syarikat Malaysia itu semata-mata untuk membantu memperbaharui dan mempertingkatkan keupayaan limbungan berkenaan tetapi ada pihak yang beranggapan Malaysia ingin "menjajah" Ghana kerana begitu banyak syarikat-syarikatnya melabur di negara itu.

"Jadi ternampak ada usaha-usaha untuk menimbulkan masalah di mana sahaja orang Malaysia pergi untuk melabur," katanya.

"Saya berasa macam ada satu usaha, secara tersusun ataupun tidak saya tak tahu, untuk memburukkan kita sedangkan tujuan kita pergi ke negara-negara membangun adalah untuk bekerjasama dengan mereka untuk membangunkan negara mereka," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak akan berputus asa malah akan terus menggalakkan syarikat-syarikat swasta mengembangkan sayap mereka ke luar negara demi membantu negara-negara yang sedang membangun.

Pada masa yang sama, beliau berkata, para pelabur Malaysia hendaklah berhati-hati supaya pihak-pihak yang iri hati itu tidak mendapat kesempatan untuk memburuk-burukkan negara. -- BERNAMA

AH PR